

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN 3

KOHORT 2021

1 Jam 15 Minit

NAMA : TINGKATAN 3 :

Bahagian A : Soalan Objektif


Arahan: Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D** . Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan .

1	Antara bahagian-bahagian yang terdapat pada perahu tradisional, yang manakah berfungsi untuk menyangkut galah dan pukut ? A Okok B Badan C Caping D Bangau JAWAPAN
2	Gambar rajah di bawah menunjukkan satu motif pada permainan tradisional . Namakan alat permainan tradisional tersebut . A Wau B Gasing C Congkak D Ketinting JAWAPAN 
3	• Mendapat gelaran ' Pelukis Potret Diraja ' • Banyak menghasilkan karya figura budaya tempatan Siapakah tokoh tersebut ? A Dzulrifli Buyong B Saidin Yahya C Abdullah Ariff D Mohamaed Hoessein Enas JAWAPAN


4	Gambar rajah di bawah menunjukkan seni lukisan karya oleh Saidin Yahya. Apakah media yang digunakan dalam karya tersebut ? A Pastel B Arang C Pen dan dakwat D Berus dan dakwat JAWAPAN	
5	Apakah media catan yang menggunakan bahantara di bawah ? A Cat air B Cat minyak C Cat poster D Cat tempera JAWAPAN	
6	Gambar rajah di bawah menunjukkan karya catan oleh Chuah Thean Teng . Apakah teknik penghasilan karya tersebut ? A Teknik batik B Teknik tindanan C Basah atas basah D Kering atas kering JAWAPAN	
7	Antara berikut, manakah satu kelebihan Seni Cetakan berbanding seni halus yang lain ? A Kos bahan yang murah B Mudah kering dan mudah di bingkai C Boleh menghasilkan banyak kepingan karya D Boleh dicetak pada semua permukaan bahan JAWAPAN	JAWAPAN

8	Antara berikut, yang manakah alat sekuji bagi menghasilkan cetakan saring sutera ?  A  B  C  D JAWAPAN
9	Maklumat di bawah menerangkan tentang satu proses cetakan . • Menggunakan plat logam yang dituris • Dakwat cetak diletakkan pada alur turisan Apakah kaedah cetakan tersebut ? A Timbulan B Benaman C Permukaan D Saring sutera JAWAPAN
10	Apakah fungsi fizikal landskap berdasarkan gambar rajah di bawah ? A Menyejukkan iklim B Mengarah pergerakan C Mencantikkan pemandangan D Sumber rekreasi dan kesihatan  JAWAPAN
11	Gambar rajah di bawah menunjukkan reka bentuk landskap . Apakah aspek ergonomik yang terdapat pada reka bentuk tersebut ? A Pokok besar untuk teduhan B Susunan tumbuhan untuk keindahan C Struktur tiang untuk arah pergerakan D Ruang pejalan kaki untuk keselamatan  JAWAPAN


12	Gambar rajah di bawah menunjukkan lukisan pelan reka bentuk landskap . Apakah jenis reka bentuk pelan tersebut ? A Pelan Induk B Pelan Konsep C Pelan hadapan D Pelan Perspektif JAWAPAN
13	Gambar rajah di bawah menunjukkan reka bentuk hiasan dalaman di sebuah hotel. Apakah elemen yang mengimbangi ruang tersebut ? A Pengudaraan menaikkan imej ruang B Struktur tiang menimbulkan kesatuan C Kepelbagaian bentuk memberi variasi D Elemen semulajadi mengimbangi ruang JAWAPAN
14	Susun semula langkah penghasilan hiasan dalaman mengikut urutan yang betul. I Menghasilkan pelan lantai II Menghasilkan model plan III Lakaran idea awal IV Menentukan tema A I , II, IV , III B II ,I , III , IV C III, IV, II, I D IV, III, I, II JAWAPAN
15	Maklumat di bawah menerangkan tentang konsep hiasan dalaman . • Berteraskan identiti sesuatu bangsa • Menggunakan warna alam yang bersifat natural Apakah konsep hiasan dalaman tersebut ?

	A Konsep klasik B Konsep moden C Konsep tradisional D Konsep kontemporari JAWAPAN
16	Gambar di bawah menunjukkan sebuah lakaran reka bentuk. Siapakah yang menghasilkan lakaran tersebut ? A Pereka bentuk model B Pereka bentuk industri C Pelukis pelan hiasan dalaman D Pengusaha pembuatan perabot JAWAPAN 
17	Apakah prinsip yang diutamakan jika sesuatu produk itu dihasilkan dengan memberi lebih penekanan kepada nilai estetika. A Fungsi mengikut bentuk B Bentuk mengikut fungsi C Bentuk menjelaskan fungsi D Fungsi menjelaskan bentuk JAWAPAN
18	Apakah yang menjadi keutamaan dalam menghasilkan reka bentuk kerusi pejabat seperti di bawah ? A Kesatuan B Keindahan C Ekonomik D Ergonomik JAWAPAN 
19	Antara berikut yang manakah definisi yang paling tepat untuk Seni Sulaman . A Proses menerapkan warna pada kain dasar B Proses menyilang bahan menjadi rumpun C Menyulam dengan benang pada kain dasar D Menjalin helaian benang hingga menjadi kain JAWAPAN

20	Gambar di bawah menunjukkan hasil dari Seni Sulaman . Apakah jenis sulaman yang digunakan ? A Sulaman reben B Sulaman tampal C Sulaman kerawang D Sulaman silang pangkah	
21	Berdasarkan maklumat di bawah, apakah jenis sulaman tersebut ?	Menggunakan perca kain dengan jahitan insang pari A Sulaman manik B Sulaman reben C Sulaman benang D Sulaman tampal JAWAPAN
22	Gambar rajah di bawah menunjukkan teknik penghasilan seni seramik . Apakah teknik tersebut ? A Teknik picit B Teknik lingkaran C Teknik kepingan D Teknik lempar alin	
23	Apakah yang di maksudkan dengan seramik kontemporari ? I Fungsi untuk hiasan sahaja II Kaedah pembuatan moden III Gabungan bahan campuran IV Menggunakan tanah liat sahaja A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV	JAWAPAN

24	Pilih seramik yang betul mengikut negeri yang menghasilkannya . A Labu Sayong – Selangor B Jambangan – Pulau Pinang C Tembikar Terenang – Johor D Tembikar Mambong – Kelantan	JAWAPAN
25	Antara berikut yang manakah imej simbol ?     A B C D	
26	Apakah tujuan utama simbol dicipta ? A Infomasi di kawasan tumpuan ramai B Rupa ringkas mengandungi banyak makna C Memberi maklumat dalam bentuk rupa ringkas D Lambang atau tanda bagi pertubuhan atau syarikat	JAWAPAN
27	Gambar di bawah menunjukkan sebuah logo . Apakah syarikat yang paling sesuai menggunakan logo tersebut ? A Pemilik Zoo B Klinik haiwan C Syarikat makanan haiwan D Syarikat penjagaan haiwan	
28	Apakah jenis dan rupa imej bagi simbol yang ditunjukkan di bawah ? A Simbol sukan - rupa positif B Simbol sukan - rupa negatif C Simbol maklumat - rupa positif D Simbol maklumat - rupa negatif	

29 Gambar rajah di bawah menunjukkan sebuah kamera lubang jarum .



Apakah kedudukan imej pada bahagian X ?



A



B



C



D

JAWAPAN

30 Bagaimana untuk menghasilkan gambar yang jelas dari Kamera Pinhole ?

- A Menghasilkan lubang jarum bersaiz kecil
- B Menghasilkan lubang jarum bersaiz besar
- C Menggunakan kotak berbentuk selinder
- D Menggunakan kotak berbentuk segi empat


JAWAPAN

BAHAGIAN B

BAHAGIAN B : (20 markah)

Arahan : Jawab soalan di bawah menggunakan kertas lukisan yang di sediakan .

Soalan : Anda diberi satu contoh lakaran sayur-sayuran . Berdasarkan contoh yang diberi, lakar dan lukis semula karya tersebut . Anda dibenarkan mengubahsuai kedudukan objek mengikut kreativiti sendiri . Markah diberi berdasarkan bentuk yang tepat, teknik pelukisan, kesan ton dan bayang.



Disedikan oleh:	Disemak oleh:	Disah oleh:
*****	*****	*****
Mohd Azmi Ismail Guru Matapelajaran	Normasita Ab Hanim Ketua panitia Pend.Seni Visual	Pn Lely Murugammah A/p Arumugam GPK Kokurikulum